

3,793 polis trafik dapat elaun RM250

BH 28 JUN 2001

GEORGETOWN, Rabu – Semua 3,793 anggota polis cawangan trafik Polis Diraja Malaysia (PDRM) di seluruh negara, akan menerima elaun RM250 sebulan berkuat kuasa hari ini.

Mengumumkan perkara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pemberian elaun berkenaan yang berkuat kuasa serta-merta akan dibayar sebaik saja pekeliling dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata pemberian elaun kepada semua anggota polis berkenaan membabitkan perbelanjaan tambahan RM11.379 juta setahun.

“Elaun khas itu sebagai insentif kepada anggota polis trafik yang kini terpaksa menjalankan pelbagai tugas berat.

“Pelbagai tugas berat yang dijalankan anggota cawangan berkenaan termasuk siasatan semua kes kemalangan jalan raya, kemalangan maut, cedera parah dan ringan,” katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Abdullah berkata, polis cawangan trafik turut mengendalikan kes kenderaan yang terbabit dalam perlumbaan haram serta penipuan dokumen kenderaan dan permit.

Beliau berkata, anggota polis terbabit membuat tugas kawalan lalu-lintas di simpang jalan pada waktu puncak, hujan lebat, banjir, perarakan keramaian dan keagamaan serta mengiring orang kenamaan.

Sehubungan itu, katanya, kerajaan berharap elaun itu akan menjadi galakan kepada anggota polis trafik untuk bertugas lebih cekap dan berkesan kepada masyarakat.

“Elaun itu juga diharapkan dapat mengurangkan aduan orang ramai terhadap PDRM yang kebanyakan berkaltan tugas polis trafik,” katanya.

Sementara itu, mengenai mesyuarat berkenaan, Abdullah yang Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, ia bagi membincangkan mengenai persiapan bagi lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Pulau Pinang selama dua hari, mulai esok.